



TEKS UCAPAN ALUAN

**Y.BHG. DATO' AMRAN BIN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG**

**SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH MYHAUS
TAHUN 2022**

PERMATANG PAK ELONG, PENAGA SPU

9 OGOS 2022 (SELASA)

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ﴿٦٨﴾

(Surah al-Nahl ayat 68)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan yang
dirahmati Allah sekalian**

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya dapat kita bersama di Majlis Penyerahan Kunci Rumah Program MyHAUS pada hari ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas kehadiran YBhg. Dato' Selamat Paigo, Ketua Pengarah JAWHAR, YBrs. Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia dan YBrs. En Ku Abdul Razak bin Ku Ismail, Pengurus *State Stakeholders Affair*, Tenaga Nasional Berhad ke Pulau Pinang khususnya melapangkan masa hadir ke majlis pada petang yang berbahagia ini.

3. Saya juga berbesar hati dan merakamkan apresiasi di atas kesudian para hadirin tetamu jemputan dan para penerima bantuan Skim MyHAUS 2022 yang turut serta memeriahkan lagi majlis ini.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

4. Zakat Pulau Pinang sentiasa mendukung usaha dalam menangani permasalahan pemilikan rumah untuk masyarakat Muslim di Pulau Pinang khususnya golongan asnaf fakir dan miskin.
5. Sejalan dengan moto Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela, Zakat Pulau Pinang komited menyediakan rumah mampu milik yang selesa kepada golongan asnaf yang berkecukupan menerusi Skim Skim Inapan Kasih Zakat Pulau Pinang.
6. Skim Inapan Kasih merupakan salah satu bantuan yang penting di dalam skim agihan Zakat Pulau Pinang. Ia meliputi skim baik pulih rumah dan skim

bina rumah bagi asnaf fakir dan miskin di Pulau Pinang.

7. Selain daripada mengagihkan dana bantuan zakat menerusi pelaksanaan projek bina rumah dan baik pulih rumah asnaf, Zakat Pulau Pinang juga menjalinkan kerjasama strategik bagi menjayakan hasrat pemilikan rumah yang kondusif kepada golongan asnaf yang memerlukan.
8. Pada kali ini kerjasama strategik antara Zakat Pulau Pinang, JAWHAR dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi Program MyHAUS iaitu satu program membina dan membaik pulih rumah bagi golongan asnaf dan B40 yang dilaksanakan di seluruh Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Sebagaimana yang kita maklumi bahawa program MyHAUS ini merupakan inisiatif yang digerakkan oleh JAWHAR sebagai agensi perantara kerajaan persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di dalam memperkasa dan memajukan pembangunan sosio-ekonomi ummah dalam sistem kewangan sosial Islam seperti zakat dan wakaf melalui kerjasama erat dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi serta syarikat korporat yang berkaitan.

10. Hasratnya untuk membantu kumpulan sasaran dari pelbagai latar belakang yang dilihat berpotensi untuk diberi peluang bagi memiliki rumah kediaman yang mampu menjadi pemangkin semangat kepada

individu untuk mengubah kehidupan masing-masing ke satu tahap yang lebih baik.

Hadirin Yang Dirahmati Allah SWT

11. Untuk makluman semua, Skim Inapan Kasih Zakat Pulau Pinang telah dijenamakan semula pada tahun 2021 daripada Skim Bina Rumah Zakat Pulau Pinang. Penjenamaan ini bukan sekadar retorik tetapi merombak semula model rumah Skim Inapan Kasih Zakat Pulau Pinang. Model rumah ini mengambil kira reka bentuk terkini, susun atur dalaman rumah yang kondusif serta keselesaan para penghuni yang mendiami Inapan Kasih dititik beratkan bagi menjamin kehidupan yang selesa dan sempurna kepada asnaf yang terpilih.

12. Kos Inapan Kasih Zakat Pulau Pinang terkini adalah sebanyak RM72,000.00. Rumah yang dibina adalah berkeluasan 800 kaki persegi yang merangkumi 3 bilik, 1 bilik air dan 1 tandas yang kompetitif dari segi harga pasaran dan kondusif di dalam kategori rumah mampu milik yang disediakan.

13. Objektif utama bagi bantuan Skim Inapan Kasih ini ialah sebagai salah satu penyelesaian masalah miskin tegar di negeri Pulau Pinang dengan menyediakan kediaman baru kepada asnaf fakir dan Miskin.

14. Oleh itu, Skim Inapan Kasih Zakat Pulau Pinang ini menggambarkan keterangkuman efisiensi bantuan agihan Zakat Pulau Pinang yang disalurkan bagi menjamin perkara-perkara *dharuriyyat* di dalam

kehidupan asnaf terutama asnaf fakir dan miskin di Pulau Pinang.

Dato'-Dato' Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

15. Program MyHAUS ini telah berjaya dilaksanakan oleh Zakat Pulau Pinang untuk sesi 2021-2022 merangkumi sebanyak **3 buah rumah** dibaik pulih dan **sebuah rumah** Skim Inapan Kasih telah dibina.

16. Juga ingin saya nyatakan di sini, untuk tahun ini Zakat Pulau Pinang telah meluluskan sebanyak **58 buah rumah** untuk dibaik pulih. Sebahagian besarnya telah siap dan selebihnya dapat disiapkan sehingga hujung tahun ini. Nilai bantuan baik pulih ini berjumlah **RM937,304.81**.

17. Di samping itu, jumlah rumah Skim Inapan Kasih yang telah siap dibina adalah sebanyak **5 unit** dan terdapat **15 unit** lagi dalam proses pembinaan. Kos keseluruhan pembinaan rumah Skim Inapan Kasih ini bagi tahun 2022 adalah berjumlah **RM1.42 juta**.

18. Keprihatinan Zakat Pulau Pinang terhadap golongan asnaf fakir dan miskin, bukan sekadar memastikan pengagihan dana zakat dilaksanakan dengan teratur, malah keprihatinan ini diterjemahkan melalui bantuan-bantuan yang disalurkan benar-benar dapat memberikan keringanan beban kehidupan dan seterusnya membangun para asnaf yang berdaya saing dalam merapatkan kesenjangan sosio-ekonomi ummah di Pulau Pinang.

Para hadirin sekalian,

19. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat dan syarikat-syarikat korporat seperti Tenaga Nasional Berhad dapat bersama-sama Zakat Pulau Pinang memperkasakan golongan yang tidak berkemampuan khususnya asnaf di Pulau Pinang dalam membentuk ekosistem sosial yang lebih mampan, menjana peluang agihan ekonomi yang lebih baik, seterusnya kesan signifikan yang bermula daripada sebuah keluarga yang baik akan membentuk satu sistem masyarakat yang unggul.

20. Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan sekali lagi kepada YBhg. Dato' Selamat Paigo, Ketua Pengarah JAWHAR yang sudi

menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah
Program MyHAUS tahun 2022 ini.

21. Ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua yang
sudi hadir bagi memeriahkan majlis pada petang ini.
Semoga sokongan dan komitmen hadirin sekalian
dalam program sebegini akan menyemarakkan
peranan kewangan sosial Islam seperti zakat bagi
menyantuni masyarakat Muslim yang tidak
berkemampuan di Pulau Pinang.

22. Tahniah dan syabas kepada pihak pihak urusetia
yang telah bertungkus lumus memastikan majlis ini
berjalan lancar.

Sekian,

Wabillahi...